

Headline	LHDN, JKDM lepassi sasaran kutipan cukai - PM		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Jan 2024	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	8
ArticleSize	534 cm ²	Journalist	TUAN BUQHAIKRAH
PR Value	RM 33,963		



LHDN berjaya kutip RM183b manakala JKDM kutip RM55b sepanjang tahun lalu

Oleh **TUAN BUQHAIKRAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya melepasi sasaran di dalam kutipan hasil negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, LHDN berjaya mengutip RM183 bilion manakala JKDM pula mengutip RM55 bilion sepanjang tahun lalu.

"Terima kasih kepada JKDM sebab itu Ketua Pengarah kena garang, akhirnya dapat memenuhinya unjuran yang tidak selalu dicapai," katanya dalam perhimpunan bersama warga Kementerian Kewangan (MoF) di sini pada Selasa.

Hadir sama, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican.

Sebelum ini, media melaporkan, LHDN menasaskan kutipan cukai RM176 bilion pada tahun lalu selepas merekodkan kutipan RM175.4 bilion pada 2022.

Sementara itu, JKDM pula menasaskan kutipan cukai berjumlah RM53 bilion pada tempoh sama apabila memungut cukai sebanyak RM53.5 bilion sepanjang tahun 2022.

Anwar turut menasiharkan penghargaan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

LHDN, JKDM lepassi sasaran kutipan cukai - PM



Anwar (kiri) berucap dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di Putrajaya pada Selasa.

kerana mengutip hasil tertinggi namun tidak menyebut angka berkenaan.

Dalam pada itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan meminta syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) mengurangkan pelaburan di luar negara sebaliknya meningkatkan pelaburan dalam negara.

Jelasnya, kerajaan bagaimanapun bersedia memberi kelonggaran kepada GLC dan GLIC untuk membuat pelaburan di luar negara sekiranya ada keperluan.

"Saya beri beberapa arahan untuk harus juga ada penekanan pengurangan pelaburan di luar negara kerana kalau alasannya tidak menarik maka apa kemunasabahan kita mengadakan kempen menarik pelabur asing ke Malaysia," kata beliau.

Anwar juga telah meminta MoF dan Pantau Madani menyelaraskan usaha supaya GLIC dan GLC melaksanakan pelaburan strategik selari dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR). "Saya meminta kerjasama

juga GLIC dan GLC supaya dapat berinteraksi secara langsung dengan pimpinan untuk memastikan pelaksanaan program-program (mereka) mengikut dasar yang kita tentukan.

"Saya beri contoh transisi tenaga, transformasi digital itu sangat mendesak dan kritikal bagi negara. Ia memerlukan penglibatan semua (kerana) transformasi digital itu, kalau tidak pantas dan pesat membuat perubahan, sistem pendidikan, tatakelola akan menyebabkan kita ketinggalan," ujarnya.

Anwar berkata, dalam mem-

buat keuntungan, GLIC dan GLC juga perlu mengambil tanggungjawab korporat lebih besar dalam pembangunan negara termasuk meningkatkan tahap kebajikan pekerja mereka.

"Saya ingat lagi laporan awal apabila kita menswastakan Tenaga (Tenaga Nasional Bhd), Telekom (Telekom Malaysia Bhd), saya kata mereka bila diswastakan, catat keuntungan besar, sepatutnya menteri kewangan ucap terima kasih.

"Oleh itu, saya ucap terima kasih tetapi saya tanya masalah mereka (pekerja) tidak selesai, umpamanya kemiskinan tegar keluarga di bawah Tenaga, Telekom, apakah ia masalah Kementerian, tentunya masalah syarikat.

"Ada 15,000 pekerja, 5,000 pekerja tiada rumah, tidak mungkin kita fikir ada rencana membina perumahan untuk pekerja sendiri?"

"Kita catat keuntungan dengan cakup soal pengkomersialan dan kita bebaskan kelompok yang agak pendapatan rendah ini kepada Kementerian dan kerajaan untuk menangani, saya tidak fikir itu munasabah," tambah beliau.

Justeru, Anwar mahu dalam tempoh sebulan ini, GLIC dan GLC memberikan laporan kepada kerajaan berkaitan perancangan mereka mengenai rencana pelaburan, bumiputera, perumahan pekerja dan pendidikan termasuk meningkatkan mutu pendidikan.